

10/01/1998

Cabaran pada zaman kepayahan

SELEPAS menyaksikan kakitangan sektor awam dipotong elaun, gaji, tiada kenaikan pangkat yang kemudiannya diikuti sektor swasta, pastinya ramai akan menggandaikan bahawa selepas ini ialah tindakan memberhentikan kerja. Keadaan ini mungkin menghantui ramai terutama mereka yang baru saja memasuki alam pekerjaan. Lebih-lebih lagi apabila mendapati sama ada di sektor awam atau swasta, langkah sudah diambil untuk tidak menyambung kontrak bagi mereka yang berkhidmat secara tahunan. Sesungguhnya bagi seseorang yang bekerja, pengalaman paling buruk malah barangkali paling ditakuti ialah diberhentikan kerja akibat kemelesetan ekonomi. Agak sukar dibayangkan bagaimana perasaan kita jika sudah tidak lagi mempunyai pekerjaan, tidak dapat menanggung keluarga dan tidak mempunyai wang untuk membeli keperluan.

Tidak dinafikan keadaan itu tidak mustahil berlaku apabila ekonomi sesebuah negara terus terancam, jatuh meleset dan tidak ada lagi tanda pemulihan. Ia akan terjadi apabila asas ekonomi sesebuah negara itu jelas rapuh dan tidak diyakini langsung oleh mana-mana pihak untuk berdagang dan melabur.

Namun, keadaan itu agak mustahil berlaku di Malaysia kerana kita percaya dan yakin apa yang sedang kita alami ini tidak seburuk itu dan bersifat sementara. Justeru, rakyat terutama golongan pekerja tidak seharusnya dihimpit kebimbangan yang amat sangat sehingga mereka kaku untuk meningkatkan produktiviti dan terus berfikiran negatif bahawa dalam keadaan ekonomi sekarang, tidak dapat tidak satu hari mereka akan hilang pekerjaan.

Kita akui, ketika ini memang ada syarikat kecil sudah ditutup dan pekerjaanya diberhentikan serta-merta. Kita juga ada mendengar beberapa syarikat membuat keputusan untuk tidak menyambung pekerja yang bertugas secara kontrak. Namun, jumlah itu adalah terlalu kecil. Apa yang pasti kita masih belum mendengar ada agensi malah jabatan kerajaan terpaksa memberhentikan kakitangan kerana kegawatan ini. Ini bukan bermakna kita ambil atau pandang mudah kerana belum mencapai ke tahap itu tetapi apa yang ingin dijelaskan, kita masih ada ruang untuk bernafas dan bertindak secara rasional memulihkan ekonomi. Seperti tegas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, sekalipun seseorang itu diberhentikan kerja, mereka tidak akan menghadapi masalah besar mencari pekerjaan lain kerana peluang yang begitu banyak di negara ini.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, peratusan pengangguran di negara kita adalah kecil kerana ia ditampung oleh pekerja asing. Bagi menangani masalah kegawatan sekarang, kerajaan sudah membuat keputusan untuk menghantar kira-kira sejuta mereka pulang. Berdasarkan senario ini, pastinya peluang pekerjaan masih ada di negara ini.

Jika ke Thailand dan Korea Selatan ketika ini untuk melancong, kita mungkin terkejut apabila pemandu pelancongnya begitu berpengetahuan luas berbicara dengan pelancong mengenai pasaran saham dan kegawatan yang dialami oleh sektor kewangan negara itu. Sebagaimana yang dilaporkan agensi, mereka adalah kalangan remiser malah pengurus cawangan serta kakitangan bank yang kini menjawat pelbagai kerja dalam industri pelancongan. Mereka yang terpaksa diberhentikan, kini berpindah ke alam pekerjaan baru untuk mencari nafkah. Dalam kata lain, keadaan semasa menyebabkan mereka terpaksa mempelbagaikan tenaga yang ada walaupun tidak mempunyai kebolehan tinggi serta kemahiran menyerlah dalam bidang yang

disertai. Tidak saja industri pelancongan, apa jua kegiatan lain mereka ceburi bagi memastikan tetap mempunyai pekerjaan dan pada masa yang sama membantu negara memulihkan ekonomi negara.

Berdasarkan situasi itu, jika pun keadaan yang sama berlaku di Malaysia, rakyat tidak harus mudah kecewa sebaliknya tetap melakukan apa jua pekerjaan yang boleh mendatangkan pendapatan. Kita percaya, sebagai bangsa yang rajin dan mahu melihat negara bertukar status maju pada tahun 2020, rakyat akan sanggup melakukan apa jua untuk memulihkan ekonomi. Rakyat tidak sepatutnya terlalu bersikap 'berkira' atau memilih pekerjaan termasuk untuk mengambil alih tugas yang ketika ini dilakukan oleh pekerja asing. Kita tidak sepatutnya malu kerana apa yang dilakukan itu adalah untuk negara sendiri. Jika pekerja asing boleh melakukannya semata-mata untuk mengisi perut sendiri dan bakinya dihantar ke tanah seberang, apakah kita sanggup berpeluh tubuh melihat apa yang berlaku sekarang kerana malu melakukan pekerjaan yang tidak pernah kita lakukan! Sesungguhnya inilah cabaran besar bagi rakyat pada zaman kepayahan.

(END)